

29 JAN 1998

Jenama (Analisis Berita)

ANTARA ALPS DAN MATA AIR ULU TIRAM...

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Apa kelebihan apabila seseorang memilih air galian jenama "Evian", berbanding air galian jenis "Ocean" yang diperolehi dari mata air di Ulu Tiram, Johor?

Pasti jawapannya ialah kerana Evian, air galian yang berasal dari Pergunungan Alps Perancis itu dijamin penuh dengan garam galian yang baik untuk kesihatan.

"Evian" memang mahal harganya berbanding "Ocean", tetapi masih ramai yang memilihnya.

Mungkin begitu juga jawabnya apabila ditanya mengapa perlu memakai jenama seperti Armani untuk seluar "jeans", manakala sut dari jenis Brioni dan blaus yang dilabel DKNY. Pasti seseorang itu ada alasan tersendiri.

Ketika negara perlu mengurangkan import bagi menyelamatkan ekonominya, berapa ramaikah yang sanggup berkorban menahan nafsu dengan hanya membeli jeans, sut dan blaus buatan tempatan yang kilangnya terletak di Bandar Tasik Selatan atau di Serdang?

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkali-kali mengingatkan pengguna supaya "kurangkan import barangan tidak perlu dan carilah pengganti daripada barangan buatan Malaysia."

Setakat ini agak banyak juga badan kerajaan mahupun yang bukan kerajaan (NGO) yang menyahut seruan Dr Mahathir untuk sama-sama mengingatkan orang ramai supaya lebih mengutamakan barangan Malaysia.

Pergerakan Pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN) seperti Pemuda Umno yang menganjurkan kempen menambahkan makanan tempatan bagi mengurangkan import, Pemuda MCA Pulau Pinang pula menganjurkan kempen bergerak "Beli Barangan Malaysia" manakala Pemuda SUPP Sarawak, melalui pekeliling kepada anggotanya juga menggalakkan pembelian barangan tempatan.

Di kalangan NGO, sembilan pertubuhan menubuhkan apa yang dinamakan Jawatankuasa Bertindak NGO Mempertahankan Kedaulatan Ekonomi Negara (TINDAKAN), bagi membantu usaha itu.

"TINDAKAN juga menyeru kerajaan agar mempertingkatkan pengeluaran makanan dengan menyediakan sumber dan insentif kepada petani kecil untuk mengurangkan pergantungan kepada import barangan tempatan demi membaikiimbangan dagangan," kata Setiausaha Agung MBM Saifuddin Abdullah selaku jurucakap jawatankuasa itu.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) pula menganjurkan supaya golongan pekerja memboikot bahan makanan yang diimport.

Di pihak kerajaan pula, kerajaan negeri Selangor menjadi antara yang terawal menganjurkan kempen membeli barangan tempatan dengan mengadakan kempen selama seminggu serta ekspo yang mempamerkan produk Malaysia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang sememangnya terlibat secara langsung dalam isu itu sendiri pula menubuhkan jawatankuasa khas untuk memilih barangan keluaran tempatan bagi tujuan promosi agresif dalam Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia.

Namun nafsu ghairahkan barangan import tidak mudah dikikis.

Contohnya, mentega masih digunakan untuk membuat kuih dan kek pada musim perayaan ini walaupun ia boleh digantikan dengan marjerin, seperti yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.

Seorang surirumah berkata, "sebenarnya agak sukar untuk menggantikan mentega dengan marjerin dalam satu-satu resipi, kecualilah anda pakar memasak."

"Mungkin pakar masak tempatan boleh mengutarakan lebih banyak idea

untuk mengubahsuai resepi. Iaitu menggantikan bahan masakan import dengan bahan tempatan," katanya.

Perlu difahami mengapa pengguna di Malaysia masih enggan berhenti membeli barangan import walaupun kini mereka terpaksa membayar dengan harga hampir dua kali lebih mahal berbanding sebelum ini.

Selain faktor jenama yang boleh memberikan kepuasan kepada pengguna, daripada segi kualiti, contohnya, barangan berjenama antarabangsa mengutamakan mutu kepada setiap hasilnya. Setiap produk yang dijual dipastikan mencapai standard yang ditetapkan.

Contoh terdekat yang boleh dilihat ialah operasi restoran francais makanan segera Amerika Syarikat, MacDonald's. Setiap "Big Mac" yang dijual adalah sama rasa dan kualitinya, baik yang dijual di cawangannya di Komtar, Pulau Pinang mahupun di Kompleks Dayabumi, di sini.

Semua kempen tidak memadai jika barangan buatan tempatan tidak dapat menandingi mutu barangan import, lebih-lebih lagi apabila pengguna masih mahu berpegang pada pepatah "Alah membeli, menang memakai". -- BERNAMA

RAZ PR